

# Rundingan harga gula: Kita tunggu syor2 baru — Mahathir

**KUALA LUMPUR, Ahad.**— Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan menunggu dan melihat sama ada Australia akan mengemukakan syor-syor baru mengenai kontrak gula dengan negara itu.

"Jika ada perkara baru kita akan menimbangkannya semula," katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu, rundingan mengurangkan harga gula antara pegawai-pegawai Malaysia dan Australia di sini baru-baru ini berakhir tanpa sebarang persetujuan kerana "mereka tidak bersetuju dengan syarat-syarat kita."

"Jika mereka terus enggan, kita tidak akan membelinya," tegas beliau.

Rombongan Australia tersebut telahpun pulang selepas rundingan selama seminggu di sini berakhir dengan kebuntuan untuk kali keduanya.

## Gagal

Rundingan pertama diadakan di Australia awal Disember lalu. Pegawai-pegawai Malaysia diketuai oleh Pengarah Perdagangan Antarabangsa, Encik Sa-baruddin Chik.

Di rundingan pertama itu difahamkan Australia telah mengemukakan syor-syor kepada Malaysia, termasuk potongan harga jika kontrak sekurang dipanjangkan.

Punca-punca menyebut syor Australia itu lebih baik dari yang diberikannya kepada Jepun, yang turut membuat kontrak membeli gula Australia dalam tahun 1975 bila harga gula dunia melambung naik.

Menurut perjanjian Malaysia menempah bekalan gula sebanyak 1.65 juta tan untuk tempoh enam tahun dari Colonial Sugar Refinery di Australia. Import bahan ini telah dihentikan sejak Julai lalu.

Pegawai-pegawai Malaysia berkata, jika persetujuan baru tidak dicapai segera Malaysia akan menamatkan kontraknya dengan Australia dan sebagai ganti membeli gula dari Filipina, Cuba, Fiji dan dari lain-lain punca.

No. Seri: 1207

No. Perw: 878